

lokal

Oleh Mohd Amin Jalil
am@hmetro.com.my

Seremban

Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (Mains) menerima bayaran zakat perniagaan daripada tujuh syarikat korporat berjumlah lebih RM1 juta, semalam.

Pengerusi Mains Datuk Seri Dr Abdul Aziz Sheikh Abdul Kadir berkata, syarikat korporat terbabit ialah Telekom Malaysia Berhad yang menyumbang zakat sebanyak RM542,590, diikuti Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sebanyak RM100,000, AGRO Bank (RM100,401.79), MBSB Bank Berhad (RM76,851.10), Dermaga Sari Holdings Sdn Bhd (RM127,730.73), Koperasi Permodalan & Perusahaan Melayu Negeri Sembilan (RM44,122.66) dan Omni Oil Technologies berjumlah RM50,000.

“Keseluruhan penyerahan zakat syarikat korporat ini berjumlah RM1,041,696.28.

“Zakat merupakan satu kaedah ekonomi terpenting dalam pandangan hidup Islam. Di dalam Rukun Islam, membayar zakat diletakkan sebagai salah satu kriteria yang bercirikan seseorang individu itu sebagai Muslim yang mengamalkan seruan agama.

“Zakat merupakan kewajipan yang dikeluarkan pada harta orang yang me-

Perkasakan institusi Islam

MAINS terima bayaran zakat perniagaan daripada 7 syarikat korporat lebih RM1 juta



DR Abdul Aziz (lima dari kanan) bersama pembayar zakat dari tujuh syarikat korporat di Seremban, semalam. - Gambar NSTP/MOHD AMIN JALIL

miliki kelebihan dan dapat menyucikan harta,” katanya selepas Majlis Penyerahan Zakat Perniagaan Syarikat-Syarikat Korporat 2023 di Menara Mains, di sini, semalam.

Turut hadir, Timbalan Pengerusi Mains Jeneral (B) Tan Sri Mohd Shahrom Nordin, Pegawai Kewangan Negeri Datuk Mohd Khidir Majid, Setiausaha Mains Jabatan Zakat Mains Datuk Nor Azmi Musa.

Abdul Aziz berkata, pihaknya menzahirkan rasa gembira dan bersyukur di

atas pembayaran zakat yang diserahkan kepada agensi itu.

Beliau berkata, bagi tempoh Januari hingga Oktober 2023, Mains berjaya mengagihkan dana zakat berjumlah RM125.6 juta kepada asnaf terdiri daripada fakir, miskin, muallaf, ibnu sabil, fisabilla h, amil dan gharimin.

“Agihan lain meliputi bantuan hemodialisis kepada asnaf dan orang ramai, bantuan pendidikan kepada yang memerlukan, bantuan kewangan serta bantuan, bantuan kewangan serta perubahan,” katanya.

Dalam pada itu, Abdul Aziz berkata, Mains terus mendapat pengiktirafan dari segi pengurusan tadbir urus yang berkualiti dan tersusun apabila menerima Persijilan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat dan Persijilan Sistem Pengurusan Kualiti.

Menurutnya, Mains adalah agensi ketiga yang mendapat standard terbaru Persijilan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat ISO/ IEC 27001:2022 di bawah Cyber Security Malaysia.

Katanya, Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat ini merangkumi proses pengurusan perkhidmatan kutipan dan agihan zakat harta melalui Sistem e-Zakat.Net, Sistem Potongan Gaji, Sistem Pengurusan Maklumat Bersepadu bagi Sistem Agihan Zakat dan Sistem e-Had Kifayah.

“Sebelum ini, Mains juga berjaya mendapatkan persijilan Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2015 bagi perkhidmatan merangkumi proses pengurusan zakat, wakaf, mal dan kau-

seling.

“Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001: 2015 ini dapat meningkatkan kepuasan pelanggan melalui penerapan sistem yang berkesan, termasuk melalui proses penambahbaikan sistem dan jaminan pematuan terhadap keperluan undang-undang dan peraturan semasa,” katanya.

Bagi memudahkan umat Islam berzakat di Negeri Sembilan, Abdul Aziz berkata, Mains menyediakan 12 kaunter kutipan zakat yang beroperasi tujuh hari seminggu sepanjang Disember ini.

“Usaha ini bagi memudahkan semua pihak melaksanakan kewajipan zakat melalui pelbagai saluran yang disediakan demi meraih kerediaan Allah SWT dan demi manfaat asnaf beserta golongan yang amat memerlukan bantuan.

“Harapan saya, Mains dapat terus menyumbang kepada usaha memperkasakan institusi Islam di Negeri Sembilan selain memberikan kesedaran, motivasi dan iktibar kepada lebih ramai pihak untuk membayar zakat demi membina kekuatan ekonomi ummah,” katanya.